

06/02/1997

Kunjungi kaum lain tidak salah

Zamzam Omar; Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata amalan mengunjungi rumah sahabat di kalangan rakyat pelbagai kaum untuk meraikan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri yang hampir serentak kali ini, bukan perbuatan salah.

Menurut Perdana Menteri, adalah tidak benar dakwaan kononnya mencampuradukkan sambutan kedua-dua perayaan itu menyebabkan pelbagai masalah sosial di kalangan umat Islam.

"Kita berbaik dengan mereka kerana kalau kita hendak berdakwah janganlah memaki hamun orang lain. Kalau kita hendak berdakwah di kalangan umat Islam saja atau hendak mengislamkan yang sudah Islam, akhirnya bilangan umat Islam tidak akan bertambah.

"Kita jangan lupa kalau orang Arab dan India Muslim yang datang ke Malaysia dulu sembunyikan ajaran Islam untuk diri mereka saja, sudah tentu agama Islam tidak berkembang di negara ini," katanya kepada pemberita di Majlis Perjumpaan Khas Mengenai Masalah Sosial Umat Islam hari ini.

Perjumpaan berkenaan turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, wakil jabatan dan majlis agama negeri, Unit Agama agensi kerajaan serta institusi pengajian tinggi dari seluruh negara.

Ia bertujuan membincangkan masalah sosial yang melanda umat Islam, mendedahkan peserta mengenai hakikat keruntuhan akhlak golongan muda Melayu serta mencari jalan menanganinya.

Melalui majlis berkenaan, kerajaan akan mengambil semua pandangan dan maklumat sebelum disusuli dengan tindakan bersepadu mencegah gejala berkenaan.

Perdana Menteri berkata, kesediaan umat Islam mengunjungi rakan rumah mereka yang bukan Islam akan menyuburkan rasa muhibah dan memberi imej baik kepada agama Islam.

"Paling tidak, orang bukan Islam akan memandang tinggi umat Islam. Kita sebenarnya mahu membuktikan pemerintah Islam adalah adil termasuk kepada orang bukan Islam.

"Di negara kita, orang bukan Islam tidak menghina kita dan kita tidak memusuhi orang lain," katanya.

Menurutnya, adalah tidak salah jika umat Islam hidup tanpa mengasingkan diri daripada orang bukan Islam.

"Dengan kehidupan yang bercampur gaul dan mesra, negara akan menjadi aman. Dan keamanan adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam," katanya.

(END)